

**PERATURAN PERMAINAN WOODBALL****1 PERATURAN TEKNIKAL**

1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Woodball Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

**2 UNDANG-UNDANG / PERATURAN**

2.1 Kecuali apa yang tersebut di dalam Peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka undang-undang permainan yang dikeluarkan oleh Persatuan Persatuan Woodball Antarabangsa dan Persatuan Badan Berkanun Malaysia hendaklah diikuti.

**3 PENYERTAAN**

3.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi perkara 3 dalam Peraturan Am Sukan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

**4 SISTEM PERTANDINGAN**

4.1 Permainan Dipertandingkan dalam bentuk :

Berpasukan Lelaki

Individu Lelaki

Berpasukan Wanita

Individu Wanita

4.2 Perlawanan akan dijalankan secara stroke play 48

4.3 Rujuk perkara 9 Peraturan Am Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

**5 PENDAFTARAN PERMAINAN / PEMBENTUKAN PASUKAN**

5.1 Setiap pasukan hanya boleh menghantar satu (1) pasukan lelaki seperti berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain	4 orang
JUMLAH		6 orang

Setiap pasukan hanya boleh menghantar satu (1) pasukan wanita seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain	4 orang
JUMLAH		6 orang

5.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa pengelola pada tarikh yang telah ditetapkan

5.3 Hanya pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini

**6 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN**

6.1 Pemenang Kategori berpasukan akan ditentukan melalui :

- 6.1.1 Bagi kategori berpasukan lelaki dan wanita jumlah pukulan 4 pemain terendah untuk keseluruhan 48 gate bagi 24 gate hari pertama dan hari kedua akan diambil kira untuk menentukan pemenang.
- 6.1.2 Jika seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambil kira pasukan yang mempunyai pemain dengan jumlah pukulan terendah akan diisyiharkan sebagai pemenang. Jika masih seri, ianya diikuti dengan pemain terbaik ke-2, ke-3 dan ke-4.

6.2 Pemenang Kategori Individu (Perseorangan)

- 6.2.1 Pemenang bagi kategori individu pula akan ditentukan melalui jumlah pukulan terendah bagi pemain diambil kira.

**7 PAKAIAN / ALAT**

7.1 Seluar panjang slack atau track bottom dan T-Shirt berkollar serta berkasut sukan. Seluar jeans adalah dilarang sama sekali. Alat permainan iaitu mallet dan bola yang digunakan adalah dari jenama Hui King , Dr Pat dan Jack King sahaja dibenarkan.

**8 KELEWATAN**

8.1 Masa diberi 15 minit dari mula masa permainan. Sekiranya lewat kesemua pasukan dibatal dari menyertai perlawanan

**9 MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH**

9.1 Perkara 12 dalam Peraturan Am Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia digunakan

**10 BANTAHAN**

10.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara 13 dalam Peraturan Am Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

**11 PERLAWANAN YANG DITUNDA / DIBERHENTIKAN**

11.1 Sekiranya cuaca buruk, penglihatan kurang jelas, kekurangan gelanggang dan masa, jawatankuasa kerja berkuasa mengadakan tiap-tiap perlawanan kepada 12 fairway sahaja di mana pemain yang mendapat pukulan terendah bagi 12 gate pertama

**12 PERCANGGAHAN**

12.1 Perkara (19) dalam Peraturan Am Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia digunakan.

**13 HADIAH**

13.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2024.

13.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

PERMAINAN	EMAS		PERAK		GANGSA		JUMLAH	
	DITAWARKAN	JUMLAH	DITAWARKAN	JUMLAH	DITAWARKAN	JUMLAH	DITAWARKAN	JUMLAH
Woodball	4	12	4	12	4	12	12	36
Lelaki								
Perseorangan	1	1	1	1	1	1	3	3
Berpasukan	1	5	1	5	1	5	3	15
Wanita								
Perseorangan	1	1	1	1	1	1	3	3
Berpasukan	1	5	1	5	1	5	3	15